



UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA
JABATAN PERDANA MENTERI

KERATAN AKHBAR

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : FEBRUARI / 9 / 2024

M/S : 3

Kerajaan kerja lebih kuat, ambil semangat tahun naga

Oleh AHMAD
FADHLULLAH ADNAN
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan Perpaduan mahu bekerja lebih kuat dan tegap demi memaknai cita Malaysia yang lebih sejahtera dan tinggi darjatnya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, tahun naga menurut kalendar Cina membawa maksud kekuatan dan karisma, selain sifat kreativiti dan keyakinan.

“Justeru, bagi membangkitkan semangat prinsip-prinsip universal tersebut, kita sebagai rakyat Malaysia mesti teruskan tekad untuk menjadi masyarakat yang unggul dan madani.

“Di pihak kerajaan, kerja kita akan lebih kuat dan tegap

demi memaknai cita Malaysia yang lebih sejahtera dan tinggi darjatnya. Ekonomi mesti dibangunkan secara saksama, mampan dan berkeadilan, kebejatan (kerosakan) mesti dijauhkan serta perpaduan diperkukuh,” katanya semalam.

Anwar turut mengambil kesempatan mengucapkan selamat Tahun Baharu Cina kepada seluruh masyarakat Cina yang akan disambut pada Sabtu ini.

Semalam juga, Anwar mengajak rakyat mengambil iktibar serta memperingati peristiwa Israk dan Mikraj yang malar segar agar umat waspada dan berubah.

Katanya, ibrah perjalanan Israk dan Mikraj itu hampir wajib dibugar sepanjang zaman kerana ia menjadi penguat ke-



Kita sebagai rakyat Malaysia mesti teruskan tekad untuk menjadi masyarakat yang unggul dan madani.”

ANWAR IBRAHIM

imanan terhadap kerasulan Rasulullah SAW.

Selain itu, katanya, peristiwa itu juga mengungkap 1001 iktibar yang dipertontonkan terkait soal akidah dan akhlak bagi seorang hamba.

“Walhasil, umat dituntut agar istiqamah dalam mendirikan solat lima waktu, kasih dan ihsan terhadap fakir miskin serta membenam perilaku dusta dan nafsu serakah. Yang demikian itu syarat bagi melonjakkan kebangkitan dan kemajuan bangsa.

“Ini turut terpakai dalam hal yang mengusarkan kita sekarang terkait pemerasan ke atas rakyat Palestin.

“Iktibar Israk dan Mikraj malar segar dan harus diperingatkan agar umat waspada dan berubah, sementelahan pula Baitul Maqdis di Palestin itulah jua asas kepada mikraj Baginda dalam pendakiannya menuju puncak cakerawala,” katanya dalam perutusan khas sempena Israk Mikraj di laman sosial malam semalam.